



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/36 (42)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 14/2025

GARIS PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK PEMBELIAN SENDIRI TIKET PENERBANGAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan sebagai garis panduan tuntutan bayaran balik pembelian sendiri tiket penerbangan oleh seseorang pegawai semasa melaksanakan tugas rasmi atau berkursus.

LATAR BELAKANG

2. Garis panduan penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) oleh Kementerian/Jabatan pada masa ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/1991.

“SABAH MAJU JAYA”

3. Selaras dengan keperluan semasa, seseorang pegawai dibenarkan untuk membeli sendiri tiket penerbangan secara dalam talian, melalui kaunter, atau medium elektronik lain dan menuntut bayaran balik pembelian tiket tersebut semasa melaksanakan tugas rasmi atau berkursus berdasarkan garis panduan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

PEMBELIAN SENDIRI TIKET PENERBANGAN

4. Garis panduan pembelian sendiri tiket penerbangan oleh seseorang pegawai semasa melaksanakan tugas rasmi atau berkursus adalah seperti yang berikut:

- a) perbandingan harga tiket penerbangan melalui pembelian sendiri dengan pembelian melalui WPUA hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu untuk memastikan kadar harga yang terendah diperolehi. Sekiranya pembelian melalui WPUA lebih murah, maka pembelian melalui kaedah tersebut hendaklah diutamakan;
- b) pembelian tiket daripada syarikat penerbangan awam/agensi penerbangan yang didaftarkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah;
- c) pembelian tiket secara dalam talian, melalui kaunter, atau medium elektronik lain adalah dibenarkan; dan
- d) pegawai hendaklah mengemukakan tuntutan bayaran balik berserta dokumen yang lengkap (termasuk salinan kelulusan e-Izin keluar negeri) kepada Kementerian/Jabatan untuk tujuan tuntutan bayaran balik.

TUNTUTAN BAYARAN BALIK

5. Garis panduan tuntutan bayaran balik pembelian sendiri tiket penerbangan oleh seseorang pegawai semasa melaksanakan tugas rasmi atau berkursus adalah seperti yang berikut:

- a) Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk menentukan kewajaran tuntutan oleh pegawai selaras dengan kelayakan pegawai berdasarkan Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- b) Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan tiket penerbangan yang dikemukakan oleh pegawai adalah teratur, munasabah dan berpatutan;
- c) kos yang boleh dituntut oleh pegawai apabila membuat pembelian tiket penerbangan tanpa menggunakan WPUA adalah seperti berikut:
 - i) Harga Tiket Penerbangan;
 - ii) Surcaj Bahan Api;
 - iii) Cukai Lapangan Terbang;
 - iv) *Taxes & Fees (Malaysia Departure Levy/Regulatory Service Charge/Passenger Service Charge);*
 - v) *Sales and Services Tax (SST);*
 - vi) Bayaran bagasi yang layak dituntut:

Dalam Negeri (Dalam Malaysia)	Maksimum 40 kilogram sehala
Luar Negeri (Luar Malaysia)	Maksimum 35 kilogram sehala

- vii) *Meals*;
 - viii) Insurans;
 - ix) *Seats Selection*;
 - x) Fi pemprosesan – Fi tersebut adalah wajib bagi membolehkan tiket dikeluarkan oleh syarikat penerbangan atau syarikat pengembara pelancongan; dan
 - xi) Tuntutan selain daripada di atas hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri.
- d) bagi kejadian “*no-show passengers*”, tuntutan bayaran balik pembelian tiket tersebut hanya boleh dibenarkan oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa setelah beliau berpuas hati bahawa punca kejadian tersebut tidak disebabkan oleh kesalahan pegawai dalam sesuatu keadaan di mana pegawai tersebut terpaksa diarah untuk menjalankan tugas rasmi yang lain atas kepentingan perkhidmatan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/PEGAWAI PENGAWAL

6. Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal perlu memastikan tuntutan bayaran balik pembelian sendiri tiket penerbangan oleh seseorang pegawai semasa melaksanakan tugas rasmi atau berkursus diuruskan mengikut Peraturan yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

“SABAH MAJU JAYA”

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **27 OCT 2025**

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”